

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KEMENANGAN dan keuntungan yang kita capai dalam hal ehwal peribadatan, termasuk ibadat puasa, bukanlah dapat diukur hasilnya seperti mana kita mengukur keuntungan dalam bentuk mata benda." — Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri 1414 Hijrah/1994 Masihi pada 13 Mac, 1994.



قلبتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مانيسنا ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHA! orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu agar kamu bertakwa." — Maksud ayat 183, Surah Al-Baqarah

TAHUN 41 BILANGAN 4

RABU 24 JANUARI, 1996

رابو 3 رمضان، 1416

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan kurniakan watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada tiga orang bakal duta besar dan seorang bakal wakil tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Mula-mula menerima watikah perlantikan ialah bakal Duta Besar Negara Brunei

Oleh
Abd. Karim HAB

Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid diikuti oleh bakal Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Setelah itu diikuti pula oleh bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Vietnam, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos bin Haji Mohd. Hussein dan bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Lela (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Awang Ismail.

Sejurus sempurna istiadat pengurniaan itu, baginda berkenan pula menerima mengadap para duta besar dan wakil tetap berkenaan di balai pengadapan istana berkenaan.

Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya, 69, sebelum ini adalah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand sejak tahun 1990

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Beberapa rancangan disusun sempena sambutan Hari Kebangsaan kali ke-12

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Januari. — Beberapa rancangan yang berbentuk pameran, seminar, pesta budaya dan pertandingan lagu patriotik telah pun dicadangkan dan dirancang sebagai sebahagian dari acara sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12 pada tahun ini.

Perkara ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12

Oleh
Hj. Dayang Hj. Kassim

yang berlangsung di Dewan Ayer Mulih, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Antara corak dan cadangan persembahan bagi perayaan ulang tahun Hari Kebangsaan bagi tahun ini termasuklah mengadakan pameran pakaian tradisi Melayu, seminar budaya yang berbentuk Kongres Melayu Brunei Di Abad Ke 21, pertandingan mencipta lagu-lagu patriotik, pesta budaya Melayu, pameran masjid-masjid, kegiatan-kegiatan daerah, forum dan acara-acara yang melibatkan belia.

Lihat muka 16

ISLAM BUKANLAH 'MONOLITH' TETAPI AGAMA RASIONAL

JALAN KOTA BATU, 13 Januari. — Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menekankan bahawa seseorang hendaklah menyedari bahawa Islam bukanlah 'monolith' tetapi agama yang rasional.

Dalam hal ini jelasnya, semua orang harus berusaha untuk memahami tentang budaya yang berhubung dengan amalan-amalan Islam.

Perkara ini penting tegas Yang Berhormat memandangkan Islam adalah agama yang dinamik yang boleh mengatasi tekanan yang berbeza sepanjang zaman kegelapan hinggalah ke zaman kemajuan sains yang serba moden ini.

Yang Berhormat menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Pameran Islam Di Britain (Muslims In Britain) yang berlangsung di Muzium-Muzium Brunei di sini Sabtu lalu. Pameran ini adalah anjuran British Council di Negara Brunei Darussalam yang bertujuan untuk memperlihatkan kehidupan Islam yang merupakan sebahagian dari masyarakat di Britain.

Di majlis itu, Yang Berhormat mengambil kesempatan menyeru pihak penganjur supaya mengambil beberapa langkah yang konkrit untuk menyenarai-

Oleh
Zubaidah HS

kan tempat-tempat beribadat bagi orang-orang Islam di seluruh Britain bagi membolehkan umat Islam di Britain dan para pelawat Islam mengerjakan ibadat ketika berada di sana.

Di samping itu buku panduan yang menyenaraikan restoran-restoran makanan halal dan pusat-pusat kemasyarakatan dalam bentuk bank data kekal bagi kegunaan pelawat-pelawat Islam dan penuntut-penuntut di Britain, khasnya bagi beratus-ratus orang Islam Brunei yang datang melawat negara itu, juga patut diadakan, tegas Yang Berhormat.

Britain kini mempunyai salah sebuah masyarakat Islam yang terbesar di Eropah Barat. Anggaran terbaru menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lebih sejuta penganut Islam di Britain, iaitu lebih setengah dari jumlah tersebut di bawah umur 30 tahun.

Jumlah penganut Islam di Britain telah meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini adalah bermula dari penghijrahan para pekerja yang amat ketara dari tahun

Lihat muka 5

Menjalinkan hubungan diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Januari. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Kepulauan Marshall telah bersejutu untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini.

Siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hari ini, menjelaskan bahawa majlis menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik itu telah diadakan di Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing, China.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, sementara Tuan Yang Terutama Tuan Carl L. Heine, Duta Besar Republik Kepulauan Marshall ke Republik Rakyat China telah mewakili Kerajaan Republik Kepulauan Marshall.



Pelita Brunei

24 JANUARI 1996 KEMAMBAHAN 1416 - رمضان 1416

دفعن نام الله بغيرها
فصوره دان مها فبايع

MENGURANGKAN PEMBAZIRAN

KITA baru saja memulakan ibadat puasa di bulan Ramadan yang muarakat dan penuh rahmat. Ibadat puasa merupakan salah satu ibadat yang unggul kerana ia bukan sahaja boleh mendekatkan diri seseorang kepada Allah Subhanahu Wataala, malah juga penuh dengan rahmat dan hikmah serta pendidikan bagi kehidupan kita sehari-hari. Salah satu pendidikan terpenting yang terkandung dalam ibadat puasa itu ialah berjinmat dalam perbelanjaan iaitu berbelanja hanya untuk perkara-perkara yang benar-benar perlu sahaja bukannya berbelanja mengikut apa yang dituntut oleh nafsu sehingga membawa kepada pembaziran.

Dalam masyarakat kita sepanjang bulan Ramadan ini ada dua bentuk perbelanjaan iaitu membeli barang-barang makanan untuk berbuka puasa dan membeli barang-barang untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sering terjadi pembaziran terutamanya barang-barang makanan untuk bersungkal kerana di negara kita kemudahan untuk mendapatkan juadah bersungkal itu terlalu mudah dan banyak. Sewaktu berpuasa segala-galanya nampak nyaman dan enak makanya kita sering berbelanja lebih dan akibatnya makanan banyak terbuang kerana tidak habis dimakan. Sedangkan konsep puasa yang sebenarnya adalah menafak perbuatan tersebut kerana membajir itu adalah perbuatan yang dilarang oleh Islam.

Demikian juga halnya dengan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri pembaziran begitu ketara. Oleh kerana ianya disambut setahun sekali maka ada orang yang sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang besar sehingga kadang-kadang di luar kemampuan. Kerana mereka itu mempunyai falsafahnya yang tersendiri apabila menyambut Hari Raya semua mesti baru dari pakaian sehinggalah kepada perabot rumah serta cat rumah.

Trend membeli-belah ini bukan sahaja nampak hebat di dalam negeri ini, beberapa buah negara jiran dan di luar dari rantau ini juga menjadi tumpuan orang-orang kitani berbelanja kerana di tempat-tempat berkenaan harga barang-barang jauh lebih murah dari negara ini. Jadi dalam situasi ini sama ada disadari atau tidak sudah berlaku dua pembaziran iaitu pembaziran di dalam negara sendiri dan pembaziran kerana pengaliran wang kita yang banyak keluar negeri yang sudah tentu akan merugikan kita sendiri.

Maka langkah pihak-pihak berkenaan mengadakan Jualan Besar-besaran Di Brunei yang baru dilancarkan minggu lepas adalah suatu langkah bijak dan wajar mendapat sambutan dari rakyat dan penduduk negara ini. Kerana langkah yang sedemikian itu sebahagiannya akan dapat mengurangkan pengaliran wang kita keluar negeri di samping dapat menggalakkan orang ramai membeli-belah di tempat sendiri dengan harga yang sebanding dengan negara-negara luar.

Kita yakin langkah ini akan mendapat sambutan sekiranya ia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan menepati keperluan pelanggan bukan sahaja dari segi harga dan kualiti barangan yang diperniagakan malah juga memerlukan servis yang memuaskan. Walaupun setakat ini jualan tersebut hanya akan diadakan dalam masa dua bulan tetapi ia boleh dikembangkan dengan sistem urusiannya yang lebih baik seperti yang dijalankan di luar negeri sehingga ia boleh menarik pelanggan yang lebih ramai bukan sahaja dari penduduk tempatan malah juga dari negara-negara jiran. Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan pembaziran yang boleh merugikan diri kita sendiri.

MEMBALI TAH BISKITA DI BRUNEI

KITA TIDAK BOLEH MENJADI PEMERHATI SEMATA-MATA DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT DI RANTAU INI

Himmilakhir Rahman
Rahim

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat serta lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk merayakan Majlis Israk Mikraj dan diselajurkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pembangunan bagi tahun 1416 Hijrah/1995 Masihi.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniat kepada Jabatan Urku selaku penyelaras atas usaha mereka mengendalikannya majlis ini. Saya juga merakamkan berbangsa terima kasih atas penghormatan dan ingatan baik mereka menjemput saya dan isteri saya ke majlis berkebahjian ini.

Di kesempatan yang mulia ini, saya sukacita mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada semua pegawai dan kakitangan dalam kementerian ini. Seperti dalam ucapan tahun baru saya, saya ingin mengulangi ucapan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama dari abis kita semua dalam melaksanakan dan menjayakan program-program kerja dengan lincin dan teratur di sepanjang tahun 1995. Harapan saya, agar dalam tahun 1996 ini, banyak lagi usaha-usaha gigh akan dicurahkan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang sebagai khidmat kita kepada raja, agama, bangsa dan negara yang kita cintai.

Dalam kita membangun di bidang fizikal, janganlah kita abaikan nilai-nilai dan ajaran agama. Pegangan agama yang kuat dapat melindungi kita dari pengaruh jahat dan anti Tuhan. Kita sebagai umat Islam haruslah sentiasa menghayati segala peristiwa



UCAPAN Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit di Majlis Israk dan Mikraj dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pembangunan 1416/1995, pada 11 Januari, 1996 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

yang terkandung dalam Israk Mikraj dan seterusnya sentiasa mengamalkan segala ajaran-ajaran yang terkandung dalamannya. Walaupun peristiwa Israk Mikraj telah berlaku beribu tahun yang lalu, tetapi segala ajarannya tetap relevan ketika ini.

Negara kita adalah amat beruntung kerana terletak dalam rantau yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh itu kita perlu dapat menyaingi negara-negara jiran kita supaya kita juga memberikan sumbangan dan seterusnya mengaut keuntungan dan pertumbuhan ekonomi tersebut. Kita tidak boleh menjadi pemerhati semata-mata kerana ini akan mendatangkan kerugian besar kepada kita.

Keupayaan menyaingi itu hanya akan dapat dicapai jika kita dapat mengeluarkan mutu kerja yang cemerlang. Dari itu, jelaslah perkhidmatan yang berkualiti itu bukanlah matlamat bagi organisasi sektor swasta yang berorientasikan keuntungan sahaja, malah juga organisasi-organisasi kerajaan yang mendukung dan menyelenggarakan pentadbiran negara.

Di dunia yang kompetitif ini, tindakan-tindakan yang dijalankan oleh semua pihak dalam sesebuah negara itu perlulah selaras. Sektor swasta yang produktif memadukan sektor kerajaan yang mampu mendukung permintaan sektor swasta supaya hasilnya dan produktiviti tidak tertekan. Begitu juga sebaliknya, sektor kerajaan yang efisien memerlukan sektor swasta yang produktif supaya usaha sektor kerajaan itu tidak sia-sia.

Ke arah ini, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berbagai konsep mutu kerja atau pengurusan telah pun dikedepankan untuk dilaksanakan. Malah, dalam usaha untuk meningkatkan mutu kerja dan produktiviti itu, konsep-konsep pengurusan dan penekanan mengalami berbagai pembaharuan. Beberapa konsep pengurusan seperti QCC, MBO, ISO 9000, QMS, TQM, dan lain-lain lagi terus diamalkan dan disesuaikan yang mencerminkan betapa organisasi-organisasi terus mencari jalan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mereka supaya mereka sentiasa kompetitif dan setapak lebih jauh ke

hadapan dari saingan kompetitor mereka dalam pasaran.

Mutu kerja dan produktiviti pada masa ini bukan hanya bergantung kepada kerajinan dan kegigihan bekerja semata-mata. Ianya juga berkait dengan kreativiti yang dapat menimbulkan idea-idea yang dapat memudahkannya yang dapat membantu prosedur kerja dan produktiviti meningkat. Kreativiti dan mutu kerja akan timbul jika sana atau 'working environment' dan pengurusan yang terbuka dan boleh membolehkan cadangan-pembaikan dari pekerja-bawahan. Sebaliknya, suatuterdapat dan pengurusan yang menimbangakan pembaharuan semata-mata hanya mahu mempertahankan prosedur-prosedur yang tidak lagi relevan dengan masa, tentunya akan melemahkan semangat pekerja kerana pemikiran-pemikiran mereka itu tidak sama sekali dihiraukan.

Keadaan ini tidak dapat berterusan, kerana ia akan melahirkan kebudayaan kerja yang malas berfikir, tidak inovatif dan sentiasa menunggu arahan sahaja. Budaya kerja seperti ini bukanlah budaya bangsa yang berkemampuan untuk maju.

Salah satu cara ke arah meningkatkan kecemerlangan itu ialah melalui anugerah-anugerah perkhidmatan cemerlang. Walau bagaimanapun, skim-skim seperti ini perlulah dilaksanakan dengan teliti, kerana jika ia dicuakikan-cuakikan atau dilaksanakan setakat melepas batuk di tangga, maka anugerah itu akan kehilangan 'credibility' dan nilainya.

Anugerah tahun ini adalah merupakan anugerah yang pertama kali dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu. Adalah menjadi harapan saya, pencapaian yang telah ditunjukkan oleh penerima-penerima anugerah pada tahun ini akan dicontohi oleh pegawai dan kakitangan lain umumnya.

Selaras jua dengan konsep pembaikan yang berterusan ataupun 'continuous improvement' saya juga berharap agar skim anugerah ini sendiri akan sentiasa diperbaiki pada masa-masa yang akan datang seperti memastikan supaya proses pemilihan ini satu proses yang 'transparent' yang bertujuan untuk meningkatkan lagi 'credibility' skim anugerah tersebut.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DI DUNIA yang kompetitif ini, tindakan-tindakan yang dijalankan oleh semua pihak dalam sesebuah negara itu perlulah selaras. Sektor swasta yang produktif memadukan sektor kerajaan yang mampu mendukung permintaan sektor swasta supaya hasilnya dan produktiviti tidak tertekan. Begitu juga sebaliknya, sektor kerajaan yang efisien memerlukan sektor swasta yang produktif supaya usaha sektor kerajaan itu tidak sia-sia.



DR. I. I. Yang Terutama Mula Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir (tengah) menerima ucapan selamat daripada Tuan Wong Kan Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkesempatan menerima ucapan selamat daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng di Mesa Penghadapan Bukit Karang.



TUAN Yang Terutama Mula Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Sarah ketika berkesempatan menerima ucapan selamat daripada Tuan Wong Kan Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura di Mesa Penghadapan Bukit Karang.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa semasa menerima Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng di Mesa Majlis Makan Malam yang berlangsung di Mesa Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong. — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Melawat Pusat Pemulihan Penagih Dadah Rumah Al-Islah

Oleh
Haji Ahmad HS

MUARA, 16 Januari. — Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng beserta rombongan hari ini melakukan lawatan ke Pusat Pemulihan Penagih Dadah Rumah Al-Islah di sini.

Sejurus ketibaan di pusat itu Tuan Yang Terutama dan rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penjara.

Tuan Yang Terutama juga memeriksa barisan kawalan kehormatan yang terdiri dan sembilan anggota Jabatan Penjara.

Tuan Yang Terutama kemudian beredar ke bilik taklimat bagi mendengarkan taklimat ringkas mengenai peranan dan fungsi Jabatan Penjara yang disampaikan oleh Pengarah Penjara, Awang Christopher Chin Nyuk Poon.

Kemudian Tuan Yang Terutama melawat beberapa bahagian pusat itu termasuk bengkel kreatif, pertukangan kayu dan kimpalan.

Menurut salah seorang pegawai Jabatan Penjara di pusat itu Pusat Pemulihan Penagih Dadah Rumah Al-Islah sejak tahun 1987 mempunyai 371 penghuni dan 293 penghuni daripadanya sudah dibebaskan dan sekarang pusat tersebut kini mempunyai 78 orang penghuni sahaja.

Menurut pegawai itu lagi, Rumah Al-Islah menjalankan program pemulihan yang berorientasikan dua perkara utama iaitu fizikal dan psikologi melalui beberapa bahagian iaitu vokasional, agama dan sivil. Program tersebut dijalankan secara berjadual dalam seminggu mengikut enam kumpulan kecil.

Rumah Al-Islah mula beroperasi pada 1 November, 1987 di bawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Belia dan Sukan dan kini diambalih sepenuhnya oleh Jabatan Penjara pada 15 Mac, 1990. Rumah Al-Islah mempunyai 76 orang pegawai beruniform dan beberapa orang awam.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa semasa mengadakan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng. Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng semasa melakukan lawatan ke Pusat Pemulihan Penagih Dadah Rumah Al-Islah di Muara. — Gambar oleh Haji Maamalah HMA.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura diraikan

Oleh
Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Januari. — Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menerima kunjungan muhibah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng di Istana Nurul Iman di sini.

Dalam kunjungan muhibah itu, Yang Berhormat dan Tuan Yang Terutama telah membincangkan hubungan dua hala yang melibatkan hal-hal yang berkaitan dalam bidang hal ehwal dalam negeri bagi kedua-dua buah negara.

Lewatan rasmi tiga hari Tuan Yang Terutama yang disertai oleh rombongan termasuk Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin.

KUNJUNGAN MUHIBAH

Oleh
Bohassan HAB

GADONG, 15 Januari. — Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng dan rombongan diraikan dengan Majlis Makan Malam yang berlangsung di Mesa Pegawai, Pasukan Polis Diraja Brunei di sini.

Majlis Makan Malam itu diberikan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Hadir sama di majlis itu termasuk Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Setiausaha Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

PANDUAN MENUJU KE BAITULLAH

SUMBANGSIH DARI JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

AYAT-AYAT Al-Quran yang dimaksudkan itu ialah:

Oleh kerana pekerjaan haji itu merupakan Rukun Islam yang kelima, maka wajiblah kita patuh akan ketetapan dan perintah Allah, melaksanakan ibadat haji. Tumpukanlah perhatian kita ke arah ibadat itu dengan khusyuk dan tawaduk.

Firman Allah yang maksudnya:

"Hendaklah kamu taat kepada Allah dan Rasul serta pemerintah daripada golongan kamu."

Firman-Nya lagi yang tafsirnya:

"Dan Allah mewajibkan manusia (orang Islam) mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya dan siapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk." (Al-Quran Surah Ali Imran ayat 97).

Menjadi Tetamu Allah

Orang yang naik haji adalah menjadi tetamu-tetamu Allah dan sekaligus mereka tergolong sama dengan orang-orang yang berperang fisibleillah sebagaimana sabda Rasulullah yang maksudnya:

"Orang yang berperang fisibleillah, orang yang naik haji ke Baitullah dan orang yang umrah adalah utusan Allah, Allah telah memanggil mereka lalu mereka pun memenuhinya."

Haji Sebagai Jihad

Maksudnya: "Dan Aisyah Radiallahuanhu katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Aku telah berkata kepada Rasulullah, wahai Rasulullah, kami berpendapat berjihad itu adalah sebaik-baik amalan, maka tidakkah boleh kami berjihad? Sabda Rasulullah: Bagi kamu perempuan jihad yang lebih afdal (baik) itu ialah Haji Mabruur."

Kelebihan Orang Berjihad

Firman Allah Taala yang maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? (iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa. Itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahuinya, nescaya Allah akan mengampuni dosadumu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan (memasukkan kamu) ke tempat tinggal yang baik di dalam Syurga 'Adn. Itulah keberuntungan yang besar. Dan (ada lagi) kurnia yang lain yang kamu sukai (iaitu) pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman." (Al-Quran Surah As-Saf, ayat 10-13).

Dari Abu Zar Radiallahuanhu berkata, "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, amal apakah yang paling utama?" Beliau menjawab: "Iman kepada Allah dan berjihad di jalan-Nya." (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maksudnya: Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya: "Amal apakah yang paling utama?" Jawab beliau: "Iman kepada Allah." Beliau ditanya lagi: "Kemudian apakah?" Jawab beliau: "Al-Jihad fisibleillah." Beliau ditanya lagi: "Kemudian apakah?" Jawab beliau: "Haji Yang Mabruur." (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maksudnya: Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya: "Apakah yang menyamai jihad fisibleillah?" Jawab beliau: "Kamu tidak mampu mengerjakannya." Kemudian mereka mengulangi pertanyaan itu dua atau tiga kali, semuanya dijawab oleh beliau: "Kamu tidak akan mampu mengerjakannya." Lalu beliau mengatakan: "Perumpamaan mujahid di jalan Allah itu seperti orang yang berpuasa, berdiri solat, tetap membaca ayat-ayat Allah, dan ia tidak terbuka dari puasanya dan tidak berhenti dari salatya sehingga mujahid itu kembali." (Diriwayatkan oleh Bukhari, Al-Muslim, Nasaie dan Ibnu Majah).

Dan sabdanya lagi yang maksudnya: "Sesungguhnya di dalam syurga itu ada seratus darjat. Allah telah menjanjikannya bagi orang yang berjihad di jalan Allah. Jarak antara dua darjat seperti jarak antara langit dan bumi." (Diriwayatkan oleh Bukhari).

BERSAMBUNG



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa hadir di Majlis Makan Malam Sempena 10 Tahun Penubuhan British Council di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Kompleks Sukan RBA pada 12 Januari, 1996. — Gambar oleh Johari Buntar.

Belia hendaklah dilengkapkan dengan kemahiran yang bersesuaian

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 12 Januari. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain berkata, belia-belia kita hendaklah dilengkapkan dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian sejajar dengan kehendak globalisasi.

"Permulaan abad ke-21 akan membawa banyak cabaran dan peluang baru," jelas Yang Berhormat ketika berucap di Majlis Makan Malam Sempena 10 Tahun Penubuhan British Council di Kompleks Sukan RBA di sini.

Yang Berhormat menambahkan, sebagai sebuah negara di rantau Asia Pasifik, kawasan yang dijangkakan mengalami pertumbuhan dalam abad yang akan datang, Negara Brunei Darussalam begitu prihatin dengan persediaan para belia ke arah era tersebut.

Dalam konteks ini jelas Yang Berhormat, British Council boleh memainkan peranan dalam menyumbangkan dan menyediakan program latihan kepada belia-belia di negara ini terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komputer.

"Kita mengharapkan keterlibatan British Council di Negara Brunei Darussalam untuk beberapa tahun lagi," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat menyentuh mengenai kejayaan British Council dalam mengendalikan berbagai kegiatan yang memberikan manfaat kepada masyarakat di negara ini

terutama dalam bidang pendidikan, sukan dan kebudayaan.

Yang Berhormat juga melahirkan penghargaan masyarakat Negara Brunei Darussalam atas sumbangan yang telah dibuat oleh British Council terutamanya dalam pengembangan sosioekonomi.

Juga hadir di majlis itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Antara perkhidmatan yang disumbangkan oleh British Council ialah khidmat kaunseling yang ditawarkan kepada penuntut di negara ini yang ingin melanjutkan pelajaran ke England.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika berucap.

Majlis Tahlil dan Doa Arwah

BERAKAS, 12 Januari. — Sudah menjadi kebiasaan umat Islam di negara ini, bila tiba bulan Syaaban atau menjelang bulan Ramadan setiap tahun mengadakan majlis-majlis kebajikan seperti Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi mengingati mereka yang sudah kembali ke rahmatullah.

Majlis yang serupa telah diadakan oleh Jabatan Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Per-

Oleh Haji Ahmad HS

tahanan, peringkat Bolkliah Garison yang berlangsung di Surau Bolkliah Garison di sini.

Menjadi tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemangku Pengarah Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan,

Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah serta bacaan tahlil dan doa arwah yang diketuai oleh Imam Surau Bolkliah Garison, Awang Haji Hitam bin Ismail.

Hadir sama di majlis itu termasuk beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.



MAJLIS Tahlil dan Doa Arwah yang diadakan oleh Jabatan Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, peringkat Bolkliah Garison. — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika menyaksikan Pameran Islam Di Britain anjuran British Council di negara ini yang berlangsung di Muzium-Muzium Brunei di Jalan Kota Baru sambil menerima penerangan ringkas dari Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terhata Tuan Ivan Callan. — Gambar oleh Johari Buntar.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit menyampaikan anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pembangunan kepada salah seorang pekerja di satu Majlis Sambutan Israk dan Mikraj dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pembangunan yang telah dilangsungkan pada hari Khamis 11 Januari lalu bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Islam bukanlah 'monolith' tetapi agama rasional

Dari muka 1

1950-an dan 1960-an di mana kebanyakan penganut Islam yang berhijrah ke negara tersebut termasuklah dari Pakistan, Bangladesh, India, Timur Tengah, Afrika, Cyprus dan Malaysia.

Orang-orang Islam Britain telah diakui membuat sumbangan yang semakin banyak dan positif di setiap peringkat kehidupan di negara itu. Mereka bukan sahaja telah diberi peluang menunjukkan bakat mereka di sektor swasta malah sebilangan besar kini berkecimpung dalam perkhidmatan awam di kerajaan tempatan sama ada di bidang penjagaan kesihatan dan kerja-kerja sosial di samping membantu menyediakan perkhidmatan bagi hal ehwal kemasyarakatan.

Orang-orang Islam di Britain juga beruntung, kerana kerajaan negara tersebut juga sentiasa memastikan peranan yang beragama Islam boleh mengikut fahaman mereka dan cara hidup mereka di samping memainkan peranan sepenuhnya dalam cara hidup Britain dengan membawa manfaat kepada seluruh negara.

Sehingga ke hari ini lebih 800 buah masjid telah dibina di seluruh ceruk rantau di negara itu. Di sebelah petang atau di hujung minggu masjid-masjid tersebut dan di pusat masyarakat Islam telah menyediakan kelas-kelas belajar Al-Quran bagi semua peringkat.

Majlis Santapan Malam

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Januari. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah telah mengurniakan santapan malam kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng dan Puan Wong di Balai Penghadapan Bukit Kawayan.

Sebelum santapan malam, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala dan isu-isu kepentingan bersama.

Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari. Semasa dalam lawatan ini juga Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng bersama rombongan telah mengadakan perlawanan golf persahabatan dengan pemain tempatan yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12. Berita lanjut di muka 1. — Gambar oleh Johari Buntar.

Jihad mengawal hawa nafsu penting dalam zaman moden

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 11 Januari. — Seorang penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah Kampung Pulaie, Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah menerangkan bahawa salah satu pengajaran penting dalam peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah jihad atau perjuangan.

Kalau dulu di zaman Nabi katanya, jihad ialah peperangan menentang orang-orang kafir jahiliah tetapi hari ini jihad yang penting ialah jihad melawan atau mengawal hawa nafsu dalam keadaan dunia yang penuh dengan cubaan dan godaan ini.

"Tujuan pokok peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah menerima wahyu untuk menunaikan fardu sembahyang lima waktu. Di mana pada mulanya fardu sembahyang itu ialah lima puluh waktu sehari semalam. Tetapi setelah Allah berulang-alik menghadap Allah Subhanahu Wataala di langit maka sembahyang yang dulu lima puluh waktu sehari semalam dijadikan lima waktu saja," tambah beliau selanjutnya.

Perkara ini dijelaskannya ketika menyampaikan ceramah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan majlis kesyukuran

bagi johan qari kebangsaan yang berkhidmat dengan RBA iaitu Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.

Majlis sambutan diadakan di Pusat Latihan RBA di Jalan Costain di Berakas malam tadi.

Hadir di majlis itu ialah Pengarah Sumber-Sumber dan Perkhidmatan RBA, Awang Yahya bin Che'man. Ia juga dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan yang lain dari syarikat itu.

Dr. Haji Ismuhadi menambah, selain menerima perintah bagi menunaikan fardu sembahyang Nabi juga diperlihatkan dengan peristiwa jihad ke jalan Allah dengan harta dan jiwa raga. Kerana peristiwa jihad inilah yang pertama sekali dilihat oleh Nabi ketika peristiwa Israk dan Mikraj itu.

"Jihad yang sebaik-baik ialah jihad yang sanggup mengorbankan harta benda dan hawa nafsu dalam menegakkan perintah Allah atas perkara-perkara yang berkebalikan. Khasnya seperti menghadiri diri dalam majlis keagamaan sambutan Israk dan Mikraj, awal

Majlis Doa Arwah dan Membersihkan Kubur diadakan menjelang Ramadan

Oleh Dk. Saidah POA

KUALA BELAIT, 14 Januari. — Sudah menjadi tradisi dan amalan orang-orang Islam di negara ini sebelum bulan puasa menjelang berbagai acara keagamaan seperti tahlil, doa arwah dan membersihkan tanah perkuburan diadakan sama ada secara perseorangan mahupun beramai-ramai.

Penduduk-penduduk Rancangan Skim Perumahan Negara Kampong Pandan umpamanya tidak ketinggalan mengadakan majlis keagamaan setiap tahun umpamanya Majlis Kenduri Arwah Sekampung yang diadakan di kawasan lapang Simpang 15 di kediaman mereka.

Ahli jawatankuasa penyelarasan, Awang Yasin bin Sinyut berkata, majlis tersebut merupakan sokongan dan dorongan orang ramai khususnya penduduk kampung itu yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan tali silaturahmi di kalangan generasi muda dan tua di semua kawasan sekitar kampung itu.

Selain daripada itu katanya lagi, ianya bagi mewujudkan satu sikap bergotong-royong dan bermuafakat serta bekerjasama di dalam mengendalikannya satu kerja di samping mempertingkatkan lagi suasana berjiran seperti yang dihasratkan oleh Majlis Perundingan Kampong Pandan dan Pengawasan Kejiranan.

Subuhungan dengan itu beliau berharap majlis serupa itu akan dapat diteruskan setiap tahun untuk dijadikan kegiatan amal bagi masyarakat setempat di samping kegiatan kebajikan yang ditubuhkan seperti Koperasi Skim Perumahan Negara Kampong Pandan.

Muharam, Nisfu Syaaban dan sebagainya. Ini juga merupakan sebagai jihad dalam pandangan kaca mata Islam. Kerana di Hari Kiamat nanti segala majlis yang berkebalikan yang kita hadir itu akan dipertontonkan oleh Allah kepada kita," jelas beliau lagi.

Majlis telah bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.

Makluman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan memaklumkan bahawa jabatan tersebut mempunyai bilangan nasikhah yang terhad Jadual Air Pasang Surut - Malaysia, Singapura dan Brunei 1996 Vol.1 (Semenanjung Malaysia dan Singapura) dan Vol. 2 (Sarawak, Brunei dan Sabah) untuk dijual dengan harga \$12.00 senaskah.

Buku ini boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Laut di Serasa, Muara dan cawangan-cawangan di Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Majlis Bertahlil

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Disember. — Menjelang bulan Ramadan seperti biasa berbagai kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta mula mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Petang tadi Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diketuai oleh Timbalan Menteri, Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya. Ia

Oleh Abdullah Asgar

bertempat di Kubah Makam Diraja Jalan Tutong.

Ia adalah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Yaasin beramai-ramai yang dipimpin oleh Begawan Pehin Khatib Haji Awang Muhd. Yasin. Kemudian acara diteruskan dengan bacaan tahlil dan membaca doa tahlil. Juga hadir ialah beberapa orang pegawai kanan dari kementerian itu.

Bismillah, Walhamdulillah, Wasallatu Wasalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aslihina Wasalim Wa Walaah.

PUASA RAMADAN

BILANGAN KEDUA BELAS (Bahagian II)

Sambutan kepada orang tua

(iii) Berakal.

Tidak wajib puasa ke atas orang yang gila dan tidak dituntut ke atasnya untuk mengadanya apabila dia sembuh berdasarkan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu yang bermaksud: "Dianjurkan (dibabaskan) doa daripada tiga golongan) kanak-kanak sehingga dia baligh, dan orang yang tidur sehingga dia sadar, dan orang gila sehingga dia waras." [Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasaie].

Manakala bagi orang yang pengsan, mabuk atau pitam, tidak wajib bagi mereka berpuasa, tetapi diwajibkan bagi mereka mengadanya sekalipun keuzuran mereka itu meliputi seluruh bulan Ramadan, kerana pengsan, pitam itu termasuk di dalam kategori sakit, berlainan dengan gila kerana gila adalah sifat yang menurangkan bagi menunaikan ibadah (bukan mukalaf). Maka sebab itulah tidak harus terkena gila bagi seorang Nabi dan harus pula baginya terkena pengsan atau pitam.

Wajib qada kepada orang sakit atau orang musafir itu ialah melalui firman Allah Taala yang tafsirnya: "Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam pelayaran (ialu ia berpuasa), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain." [Al-Baqarah: 184].

(iv) Sihat dan berdaya menunaikan puasa.

Orang tua jika ia berpuasa, akan mendatangkan keusahan yang berlebihan

dan orang sakit yang tiada harapan untuk sembuh, mereka tidak diwajibkan berpuasa dan tidak wajib mengqada puasa yang ditinggalkan, tetapi diwajibkan ke atas mereka membayar fidyah sebagai firman Allah yang tafsirnya: "Dan wajib bagi orang yang tiada mampu mengerjakan (jika mereka tidak berpuasa) maka mereka hendaklah membayar fidyah, memberi makan seorang miskin." [Al-Baqarah: 184].

Berkata Ibnu Abbas: Ayat ini tidak mansuh, kerana ia adalah khusus bagi orang-orang tua yang tidak berdaya untuk berpuasa. Maka mereka diwajibkan memberi makan 1 mud kepada orang miskin sebagai ganti setiap hari puasa yang ditinggalkan itu.

Manakala bagi orang yang sakit yang ditakuti akan bertambah sakitnya jika ia berpuasa tetapi ada harapan untuk sembuh, maka tidak wajib baginya berpuasa, tetapi apabila dia sembuh wajib ke atasnya mengqada puasa yang ditinggalkannya itu tanpa fidyah.

Tidak harus berpuasa bagi orang yang sakit biasa (sedikit) yang tidak membawa kepada kepayahan seperti sakit kepala, telinga, gigi dan sebagainya, melainkan jika dia takut bertambah sakitnya dengan sebab ia berpuasa, maka harus baginya berpuasa.

Bagi orang yang tersangat lelap atau haus dan ditakuti jika meneruskan puasanya, dia yakin akan mendatangkan bahaya kepada dirinya walaupun ketika dia berpuasa itu dia seorang yang sihat, maka wajib baginya

berpuasa dan wajib ke atasnya mengqada puasa tersebut. Menyelamatkan diri daripada bahaya itu berdasarkan firman Allah yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu menjatuhkan diri kamu sendiri ke dalam kehilangan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik." [Al-Baqarah: 195].

berbukaiah" (Diriwayatkan oleh Jemaah).

Berkata Imam Syafie dan sahabat-sahabatnya bahawa orang musafir itu boleh membuat pilihan di antara berbuka atau berpuasa. Adapun yang afdal daripada keduanya ialah jika dengan berpuasa memudaratkan baginya, maka berbuka adalah afdal.

INTRODUKSI

Bismillahir Rahmanir Rahim

RUANGAN ini dinamakan IRSYAD HUKUM. IRSYAD HUKUM dimaksudkan sebagai penerangan hukum-hukum dan kehendak-kehendak agama Islam mengenai sesuatu perkara yang mengait hidup dan kehidupan umat Islam di negara ini khususnya. Matlamatnya ialah untuk melahirkan kefahaman dan kesedaran serta keinsafan dalam diri umat Islam pada menghayati hukum-hukum dan kehendak-kehendak Islam selaku agama yang mendorong kepada pembangunan rohani dan kemajuan yang sebenar-benarnya bukan sebaliknya.

(v) Bermukim (tidak musafir)

Bermukim ertinya ialah orang yang menetap di suatu tempat. Bagi orang yang musafir harus dia berbuka dengan dua syarat:

a) Perjalanannya mestilah mencapai atau melebihi jarak yang dibolehkan mengqasar sembahyang (lebih kurang 89 km iaitu 56 batu).

b) Perjalanan itu ialah perjalanan yang diharuskan oleh hukum syarak.

Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha yang bermaksud:

"Sesungguhnya Hamzah bin 'Amr Al Aslama berkata: "Wahai Rasulullah adakah mesti aku berpuasa di dalam musafir?" Bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, jika engkau hendak berpuasa, berpuasalah dan jika engkau hendak berbuka,


dan jika tidak, maka berpuasa adalah afdal baginya.

Syarat diharuskan mula berbuka (tidak berpuasa) bagi orang musafir itu hendaklah ia melewati tempat yang dikira ia memulakan perjalanannya sebelum terbit fajar sadik, iaitu apabila ia melewati sempadan atau perbatasan kampung tempat tinggalnya.

Jika ia melewati tempat tersebut selepas fajar sadik maka dituntut baginya berpuasa dan tidak harus baginya berbuka kecuali datang sesuatu kesusahan yang menyebabkan ia tidak berkuasa meneruskan puasanya, bahkan jika ia meneruskan juga puasanya akan memudaratkan dirinya.

6. Syarat-syarat sah puasa

Syarat-syarat sah puasa itu ada empat perkara:



IRSYAD HUKUM DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(i) Islam: Tidak sah puasa orang kafir atau orang yang murtad.

(ii) Berakal atau Mumsyiz: Tidak sah puasa kanak-kanak yang belum mumsyiz atau orang gila. Begitu juga tidak sah puasa orang yang pengsan, pitam, mabuk di sepanjang hari, tetapi jika ia ada sadar walaupun sekejap, maka sah puasanya. Berlainan dengan puasa orang yang tidur di sepanjang hari, puasanya adalah sah kerana masih kekal padanya sifat mukalaf.

(iii) Suci daripada haid dan nifas: Tidak sah puasa orang yang di dalam haid atau nifas dengan ijmak ulama, kerana itu jika datang haid atau nifas kepada seorang perempuan yang sedang berpuasa pada siang hari, maka batal puasanya dan diwajibkan ke atasnya qada.

(iv) Masuk waktu berpuasa: Puasa bulan Ramadan tidak sah dilakukan jika belum masuk waktunya atau telah luput waktunya. Demikian juga puasa-puasa lain tidak sah jika dilakukan pada hari yang diharamkan berpuasa seperti Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Hari Tasyrik (11, 12, 13 Zulhijah), hari syak, separuh terakhir bulan Syaaban.

Walaupun bagaimanapun hari syak dan hari-hari

separuh terakhir bulan Syaaban adakalanya tidak diharuskan berpuasa dengan sebab-sebab yang tertentu seperti puasa qada, menjadi kebiasaan berpuasa pada hari-hari tertentu seperti Isnin, Khamis, kemudian bertemu hari atau bersambung puasa separuh bulan Syaaban (16 Syaaban) itu dengan puasa pada 15 Syaaban.

7. Rukun Puasa: Rukun puasa itu ada tiga.

(i) Orang yang berpuasa:

Disyaratkan bagi orang yang berpuasa itu Islam, berakal dan suci daripada haid dan nifas.

(ii) Niat: Niat adalah wajib sama ada puasa itu puasa wajib atau puasa sunat yang maksudnya:


"Dari Umar Ibnu Al-Khattab berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya amalan-amalan itu dengan niat dan sesungguhnya bagi tiap-tiap seorang itu mengikut niatnya." [Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim].

BERSAMBUNG

MENYAMBUT KEDATANGAN BULAN RAMADAN

BULAN Ramadan adalah bulan yang istimewa, bulan turunnya kitab suci Al-Quran Al-Karim yang menjadi kitab perlembagaan umat Islam, bulan yang banyak mengandungi kelebihan, keberkatan dan keistimewaan, bulan yang membawa berbagai-bagai hikmah dan rahsia, sebab itu ia merupakan kekasih kepada setiap mukmin sejati yang sentiasa ditunggu-tunggu ketibaan dan kedatangannya.

Di samping itu tentu ada pula orang yang kesal dengan kedatangan bulan Ramadan lalu menyambut dengan masam muka sebab dianggapnya akan mendatangkan kerugian baginya. Sekiranya kerangnya akan meredakan keinginan dan kebisaannya. Dia tidak bebas lagi makan dan minum di waktu siang hari dan mengemukakan sempit tokiknya kerana mungkin ada perasaan segen-segen terhadap sesama Muslim yang



mengerjakan ibadat puasa dan takutan undang-undang pentadbiran jabatan agama, dia merasakan hak-hak asasinya dibatasi dan dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip kebebasan.

Bulan Ramadan merupakan tetamu agung yang datang berkunjung hanya sekali setahun dengan rombongan yang sebanyak

30 atau 29 hari yang wajib dan wajar sekali disambut dengan penuh kegembiraan, hormat dan takzim serta leyaran yang baik.

Tetamu agung Ramadan itu membawa beberapa kelebihan sebagai hadiah yang akan dibagikan kepada sesapa sahaja di antara Muslimin dan Muslimat yang menyambut kedatangannya dengan baik

dan mengerjakan apa yang disukainya selama 30 atau 29 hari itu. Di antara kelebihanannya ialah:

Pertama beroleh takwa, firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183: "Wahai orang-orang beriman, diwajibkan di atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas umat-umat yang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu menjadi orang-orang yang bertakwa."

Kedua terampun segala dosa, seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bermaksud:

"Barangsiapa mendirikan Ramadan dengan cara berpuasa di siang hari, bersembahyang Tarawih dan wirir pada malamnya serta membanyakkan kerja-kerja kebajikan yang lain dalam keadaan beriman dan mengharapkan keridaan Allah, diampunkan baginya dosanya yang telah lalu."

Ketiga Lailatulqadar iaitu malam yang teristimewa, di mana barangsiapa beribadat pada malam itu, maka dijanjikan pahalnya lebih daripada beribadat selama seribu bulan atau lapan puluh tahun yang tidak ada Lailatulqadar padanya.

Oleh itu sebagai seorang Muslim, marilah kita menyambut kedatangan bulan Ramadan dengan penuh kegembiraan, penuh harapan, penuh keriangsen, penuh kerelaan dan penuh keikhlasan.

Melangkah memasuki gerbang Ramadan berarti memasuki gerbang latihan, maka wajarlah kita menyiapkan dan menyelenggarakan perbekalan yang perlu seperti:

- (1) Mengulang-kaji pelajaran-pelajaran berkenaan puasa.
- (2) Memperlihatkan kesenangan hati dan ketenangan jiwa dalam menghadapi bulan puasa.
- (3) Memperbanyakkan dos,

semoga Allah memberikan tenaga, kelapangan dan kesempatan mengerjakan puasa dengan jujur, ikhlas, dijauhkan daripada ria dan dari segala rupa penyakit yang menghilangkan pahala puasa.

(4) Menghapuskan adat (tradisi) yang memberatkan dan merugikan seperti mengumpulkan berbagai-bagai makanan dan minuman yang sedap-sedap untuk berbuka puasa sehingga membawa kepada mabamir.

(5) Mengutamakan semangat dan hemah kita untuk menjalankan latihan dengan sempurna agar kita memperoleh kesan yang dimaksudkan dan yang diharapkan dari latihan yang suci itu kerana puasa itu adalah latihan jihad memerangi hawa nafs, bulan membersihkan dan menyucikan diri dari berbagai dosa, kesalahan dan dosa besar serta menghilangkan diri dengan akhlak budi pekerti yang tinggi, luhur dan mulia.

(6) Melaksanakan konsep kesederhanaan dalam kehidupan sebarisan dan lain-lain lagi.

LAKUKAN IBADAT DAN AMAL KEBAJIKAN UNTUK MEMPEROLEHI KEAMPUNAN DI BULAN RAMADAN

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa dalam erti kata patuh terhadap semua perkara yang diperintahkan Allah serta membanyakkan amal kebajikan dalam keadaan beriman dan mengharapkan keredaan dan keampunan dari Allah Subhanahu Wataala.

Bulan Ramadan adalah bulan yang istimewa, bulan turunnya kitab suci Al-Quran Al-Karim, bulan yang mengandungi kelebihan, keberkatan dan keistimewaan, bulan yang membawa berbagai-bagai hikmat dan rahsia yang sentiasa ditunggu-tunggu ketibaan dan kedatangannya oleh setiap mukmin sejati. Insyallah kita akan menempuh bulan Ramadan yang Al-Mubarak dalam beberapa hari sahaja lagi.

Firman Allah Subhanahu Wataala pada Surah Al-Baqarah ayat 185 yang tafsirnya:

"Bulan Ramadan, bulan diturunkannya Al-Quran menjadi petunjuk bagi manusia dan penjelasan dari hidayah serta pembeza antara yang benar dan yang salah. Maka barangsiapa yang melihat bulan Ramadan hendaklah ia berpuasa."

Di bulan Ramadan telah ditetapkan oleh Allah Taala kewajiban berpuasa kepada umat Islam yang beriman. Kewajiban berpuasa itu merupakan salah satu Rukun Islam yang lima.

Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya:

"Diasaskan Islam itu di atas lima perkara iaitu naik

sabai bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, puasa bulan Ramadan, mengerjakan haji ke Baitullah bagi mereka yang kuasa [mampu]."

Sebagai Muslimin marilah kita menyambut kedatangan bulan Ramadan dengan penuh harapan, penuh keriaan, penuh kekeluasan dan penuh keikhlasan kerana kedatangan Ramadan ini membawa beberapa kelebihan yang akan diterima oleh siapa sahaja di antara Muslimin dan Muslimat yang menyambut kedatangannya dengan baik dan mengerjakan yang dituntut sepanjang bulan Ramadan.

Di antara keutamaan atau kelebihan Ramadan itu ialah:

Pertama : Bulan beroleh takwa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu berpuasa."

Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan kita melaksanakan kewajiban puasa agar kita bertambah takwa iaitu memelihara diri dari perbuatan yang dimurkai Allah dan melaksanakan perintah-Nya. Dengan sikap takwa itu sajalah manusia dapat menjaga dan memelihara dirinya sendiri dari melakukan kemungkaran dan maksiat dan sentiasa mengikut dan melaksana-

BULAN Ramadan adalah bulan yang istimewa, bulan turunnya kitab suci Al-Quran Al-Karim, bulan yang mengandungi kelebihan, keberkatan dan keistimewaan, bulan yang membawa berbagai-bagai hikmat dan rahsia yang sentiasa ditunggu-tunggu ketibaan dan kedatangannya oleh setiap mukmin sejati. Insyallah kita akan menempuh bulan Ramadan yang Al-Mubarak dalam beberapa hari sahaja lagi.

kan apa jua suruhan-Nya.

Kedua : Bulan diampunkan segala dosa.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Barangsiapa berpuasa pada bulan Ramadan dengan sungguh-sungguh beriman dan penuh keikhlasan kerana Allah semata-mata nescaya diampunkan Allah dosanya yang terdahulu."

Menghidupkan Ramadan dengan cara berpuasa di siang hari dan bersembahyang terawih dan witr pada malamnya serta membanyakkan kerja-kerja kebajikan yang lain dalam keadaan beriman dan mengharap keredaan Allah, diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.

Orang yang mendapat keampunan Allah di bulan Ramadan ialah mereka berpuasa yang bukan hanya tidak makan dan tidak minum tetapi puasa keseluruhan anggota dan pancaindera tubuh badannya.

Puasa mata dari melihat perkara-perkara maksiat dan mungkar, puasa telinga dari mendengar sesuatu yang dimurkai Allah, puasa lidah dari kata-kata dusta,

mengumpat dan memaki maki dan puasa keseluruhan tubuh anggota badan dari terlibat dengan apa jua yang bertentangan dengan kehendak Islam.

Ketiga : Bulan berkat (terdapatnya Lailatulqadar).

Di bulan Ramadan terdapat malam yang teristimewa di mana barangsiapa beribadat pada malamnya maka digandakan pahalanya lebih daripada beribadat selama sebulan yang tidak ada Lailatulqadar padanya. Dan Ramadan bulan dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu iblis syaitan.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sungguhnyanya telah datang kepadamu bulan yang tidak berkat di mana Allah mewajibkan kamu berpuasa, di saat dibuka pintu-pintu syurga ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan dan padanya suatu malam yang ganjaran pahalanya lebih dari seribu malam. Maka barangsiapa yang tiada beroleh kebaikannya sesung-



gahnya tidaklah ia mendapat selamanya."

Melangkah memasuki bulan Ramadan bererti memasuki bulan latihan dan ujian yang di dalamnya terkandung hikmat dan faedah yang banyak. Di antaranya ialah:

1. Sebagai tanda kesyukuran kepada Allah kerana nikmat-Nya yang banyak yang dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya.
2. Melatih jiwa supaya bersih daripada sifat-sifat tamak, sombong dan hasad dengki.
3. Melatih jiwa supaya mempunyai rasa kasih terhadap orang-orang yang susah dan menderita.
4. Melatih diri supaya bersifat sabar dan tahan menempuh ujian dalam kehidupan.
5. Menanamkan semangat perpaduan dan sama rata dan menjauhi sifat beza-membeza antara yang kaya dan miskin kerana menunaikan kewajiban yang sama iaitu menjunjung perintah Allah dengan berlajar sepanjang hari.
6. Melatih diri supaya mematuhi peraturan dan menghargai masa kerana puasa mempunyai batas waktunya yang tertentu.
7. Memberi peluang membanyakkan amal ibadah.

der kerana bulan Ramadan mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada bulan lain seperti Lailatulqadar dan sembahyang tarawih.

Sama-samalah kita meribut peluang yang berharga ini, mengerjakan ibadat dan amal kebajikan untuk memperolehi keampunan dan menjadi Muslimin yang bertakwa dengan melaksanakan ibadat puasa di siang hari dengan menyempurnakan mengikut ketentuan syarak dan menghidupkan malam-malam Ramadan dengan bersembahyang tarawih, witr, tadarus Al-Quran dan membanyakkan bersepeka dan memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan, amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, sabar dalam menghadapi ujian di bulan yang penuh berkat dan rahmat ini.

Den marilah kita melatih anak-anak kita berpuasa dan menyuruh kaum keluarga kita sama-sama mengerjakannya dan bagi yang belum mampu kerana masih kecil atau ada halangan syarie, jelaskan kepada mereka supaya menghormati bulan Ramadan dengan tidak makan dan minum di khalayak ramai dan melakukan sesuatu yang mencemarkan kesucian agama.

DAN marilah kita melatih anak-anak kita berpuasa dan menyuruh kaum keluarga kita sama-sama mengerjakannya dan bagi yang belum mampu kerana masih kecil atau ada halangan syarie, jelaskan kepada mereka supaya menghormati bulan Ramadan dengan tidak makan dan minum di khalayak ramai dan melakukan sesuatu yang mencemarkan kesucian agama.

وقت سمبھغ، امساك، شوروق دان ضحیٰ

وقت ۲ سمبھغ، امساك، شوروق دان ضحیٰ باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 3 رمضان، 1416 برسمان 24 جينوازي 1996 هيگك كهاري ثلاث، 9 رمضان، 1416 برسمان 30 جينوازي، 1996 اداله سقرت دباوه اين -

مھره	ظھر	مھسر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحیٰ	مسيحي
1	12.34	3.55	6.31	7.42	5.05	5.15	6.35	7.00	24 جينوازي
2	12.34	3.56	6.32	7.43	5.05	5.15	6.35	7.00	25
3	12.34	3.56	6.32	7.43	5.05	5.15	6.35	7.00	26
4	12.34	3.56	6.33	7.43	5.06	5.16	6.35	7.00	27
5	12.35	3.56	6.33	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	28
6	12.35	3.56	6.33	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	29
7	12.35	3.56	6.33	7.43	5.06	5.16	6.36	7.02	30

وقت ۲ سمبھغ باكي دائره تونغ دغيه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغيه نيك مينيت. سمبھغ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوكل 12.45 نغھاري.

SERAMAI 1,371 PINGAT-PINGAT NEGARA BRUNEI



KERAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Seri Sa'ud Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan pingat-pingat kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada seramai 1,371 orang penerima.

Istiadat pengurniaan pingat-pingat tersebut diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu 11, 13 dan 15 Januari lalu bertempat di Dewan Persantapan Lapsu di ibu negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Beasahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Saifi Bolkuah berkenan berangkat mengurniakan pingat-pingat tersebut bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat dan hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, ketua-ketua perwakilan asing, setiasausaha-setiasusaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Bagi memberkati istiadat tersebut doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Beasahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Saifi Bolkuah bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) kepada Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) kepada Pengarah Awang Haji Masri bin Raub (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) kepada Penolong Penjuruh-jaya Polis Kanan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Hamid (atas).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) kepada salah seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) kepada salah seorang anggota bomba.





BAGI menyemarakkan lagi bulan Ramadan, sembahyang Tarawih diadakan di semua masjid dan surau-surau di seluruh negara.

RAMADAN PENUH KEBERKATAN

RAMADAN datang lagi, kita merasa bersyukur sekali lagi kita dapat menunaikan ibadat puasa pada tahun ini. Dengan kedatangan bulan yang mulia ini kita merasa gembira, kerana ibadat puasa hanya datang sekali dalam setahun dan berkesempatan pula menemuinya lagi.

Puasa Ramadan diwajibkan oleh Allah kepada umat Islam bukanlah bertujuan untuk menyakiti atau mendatangkan mara bahaya ataupun kesusahan atau menimbulkan penyakit seperti ada orang mendakwa demikian kerana enggan berpuasa dan menurut hawa nafsunya semata-mata.

Kalaulah kita lihat pada zahirnya mengerjakan puasa Ramadan itu memang sukar, tidak boleh makan, tidak boleh minum, tidak merokok dan

berbagai-bagai lagi perkara yang menjadi kesukaan dan tabiat manusia.

Tetapi di sebaliknya kita menunaikan ibadat puasa Ramadan itu, jikalau kita insafi bahawa kesukaran itu adalah bertujuan yang baik demi kepentingan manusia, jiwa manusia itu sendiri, akalnyanya dan peribadinya dalam menguatkan darjat keimanan kepada Allah, untuk membanyakkan pahala yang

tidak didapati pada bulan-bulan yang lain atau seribu bulan yang lain, untuk makin menghampirkan diri kepada Allah dan yang paling penting supaya seseorang itu mudah mencapai darjat Al-Muttaqin, tentulah dengan keinsafan dan kesedaran itu akan terus bangun mengharung cubaan Allah itu sampai berjaya.

Pada hakikatnya berpuasa itu adalah salah satu

perjuangan hidup kita sebagai manusia untuk mencapai darjat takwa. Tanpa perjuangan yang bersungguh-sungguh dan perencanaan yang teratur dan berkesan tidak akan ada sesuatu cita-cita dapat dicapai, walaupun cita-cita dan keinginan itu baik.

Dalam masa kita menunaikan ibadat puasa

LIHAT MUKA 2



MAJLIS bertedurus diadakan setiap malam sepanjang bulan Ramadan sama ada di masjid-masjid, surau atau rumah persendirian.

RAMADAN datang lagi, kita merasa bersyukur sekali lagi kita dapat menunaikan ibadat puasa pada tahun ini. Dengan kedatangan bulan yang mulia ini kita merasa gembira, kerana ibadah puasa hanya datang sekali dalam setahun dan berkesempatan pula menemuinya lagi.

RAMADAN PENUH KEBERKATAN

Dari muka 1

Ramadan sebagai orang dewasa dan selaku ibu bapa, kita juga dapat menjatankan pendidikan kepada anak-anak kita dengan melakukan puasa secara berperingkat-peringkat. Di mana anak kita sejak kecil perlu dilatih melakukan puasanya melentur buluh biarlah dari rebung-nya.

Walaupun bagaimanapun sudah kita maklumi bahawa anak-anak kita mempunyai berbagai kerenah dan cara untuk mengelakkan daripada melakukan puasa, kita sebagai ibu bapa haruslah mempunyai ketegasan dan keprihatinan terhadap mereka.

Pada dasarnya menuaikan ibadat puasa Ramadan memerlukan kece-

kalan jiwa untuk menuaikannya. Tanpa kecekalan dan ketabahan, usahakan anak-anak kita, orang dewasa sekalipun tidak akan berjaya menuaikan.

Di samping kita menuaikan ibadat puasa Ramadan, dalam bulan yang mulia ini kita dapat menambahkan pendapatan kita dengan menjual kuih-muih. Di mana usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Daerah masing-masing telah menyediakan tempat penjualan kuih-muih sepanjang bulan Ramadan yang dipanggil 'Gerai Ramadan'.

Gerai-gerai Ramadan bukannya menyediakan berbagai kuih-muih, juga

menyediakan masakan-masakan yang bermacam-macam, para penjual gerai tersebut di samping mendapat keuntungan hasil penjualan, mereka juga mendapat pahala kerana membantu dan meringankan beban orang berpuasa dengan menyediakan ke-

perluan-keperluan yang dikehendaki oleh orang-orang yang berpuasa.

Dalam pada itu kita juga diingatkan supaya jangan terlalu menurut hawa nafsu dengan membeli kuih-muih untuk berbuka puasa yang berlebihan. Kita hanya digalakkan

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam satu malam daripada bulan Ramadan ini yang mana beribadat pada malam tersebut lebih baik dari beribadat seribu bulan dan bahkan lebih baik dari seumur hidup. Malam itu ialah yang disebut sebagai Lailatulqadar.

digalakkan berjaga dan berusaha bagi menemui Lailatulqadar, kerana Al-Qadar itu tidak ditentukan disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dirwayatkan oleh Al-Bukhari dari Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud:

"Berjaga dan berusaha kamu bagi menemui malam Al-Qadar iaitu di malam-malam ganjil bilangannya di antara sepuluh malam terakhir dari bulan Ramadan."

Menurut sebahagian besar ulama, Lailatulqadar yang dimaksudkan di dalam hadis ini pasti akan berlaku di salah satu malam-malam ganjil iaitu di antara malam 21, 23, 25, 27, 29 dan di sepuluh malam terakhir Ramadan.

Begitulah antaranya yang kita lakukan dalam menghadapi dan menjalani bulan Ramadan. Mungkin lebih banyak lagi perkara-perkara kebajikan yang kita dapat lakukan sepanjang bulan Ramadan initerpulanglah kepada kita untuk melaksanakan ataupun tidak.

Mudah-mudahan dengan kesungguhan dan keikhlasan kita berpuasa, bersembahyang dan kesungguhan kita pula mencari Lailatulqadar akan membersihkan kita daripada dosa dan diangkat darjat kita kepada darjat orang-orang yang muqar-rabiin.

Inilah keagungan bulan Ramadan sebagai bulan rahmat dan bulan pengampunan yang disediakan oleh Allah bagi hamba-hamba yang ikhlas beramal ibadat kerana Allah.



MAJLIS beredaran adalah salah satu cara untuk kita menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan.



GERAI Ramadan menyediakan juadah-juadah yang beraneka jenis sudah barang tentu akan memberikan peluang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk menambahkan pendapatan mereka.



GERAI-GERAI Ramadan bukan sahaja menyediakan berbagai kuih-muih, juga menyediakan masakan-masakan yang bermacam-macam, para penjual gerai tersebut di samping mendapat keuntungan hasil penjualan mereka juga mendapat pahala kerana membantu dan meringankan beban orang berpuasa dengan menyediakan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh orang-orang yang berpuasa.

untuk berbelanja hanya ala kadar ataupun sederhana. Hal ini ditakuti kita membazir dan kuih-muih yang berlebihan yang tidak habis akan dibuang begitu sahaja.

Dalam Islam, umat Islam disuruh supaya berjimat-jimat dalam perbelanjaan kerana perbuatan membazir tersebut adalah perbuatan syaitan dan dilarang oleh Islam sendiri.

Di samping umat Islam di negara ini mendapat pahala dan sumber rezeki dalam bulan puasa, dalam bulan Ramadan ini juga Allah telah menyediakan keistimewaan dan kelebihan sebagai bulan rahmat dan keberkatan.

Allah telah mengurniakan kepada umat Nabi

Hal ini termaktub di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Qadr ayat 1 hingga 3 yang tafsirnya :

"*Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Quran pada malam qadar (malam kemuliaan) dan tahukah kamu akan malam qadar itu? Malam qadar itu lebih baik dari seribu bulan.*"

Lailatulqadar adalah malam yang penuh keberkatan di mana pada malam itu Allah memerintahkan kepada para malaikat di dalam satu angkatan yang besar yang penuh bercahaya yang diketuai oleh Jibril Alaihissalam turun ke bumi untuk memberikan salam sejahtera serta rahmat kepada ahli-ahli ibadat.

Sepanjang bulan Ramadan ini umat Islam

IKLAN-IKLAN

Sambungan minggu lepas

BAHAN-BAHAN BRUNEI DALAM SUMBER CHINA

MUKADIMAH

MENURUT sumber China Negara Brunei Darussalam mempunyai sejarah lama, pada abad ke-3 catatannya sebagai berikut "Rakyatnya tidak menanam padi tapi menanam ubi, rakyat belayar di laut dan memproses siput besar menjadi cangkir kemudiannya menghantar ke Punan." Demikian antara lain pendapat Profesor Wu Zong Yu ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Bahan-bahan Brunei Dalam Sumber China" dalam Seminar Sejarah Brunei anjuran Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 25 - 28 Ogos, 1995 di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. — Penyunting

MENGENAI agama, saya berpendapat bahawa sebelum abad 15, Negeri Brunei beragama Buddha sebab sumber China mengatakan bahawa Negeri POLO beragama Buddha, mereka benci membunuh makhluk dan suka menerima sedekah, dilarang makan daging babi, sesiapa yang melanggar dia akan dijatuhkan hukuman mati.

Akan tetapi mulai awal abad ke-15 Negeri PONI sudah beragama Islam, tahun Masihi 1408 raja Brunei yang bernama Manarajanana telah melawat ke Nanjing China.

Selepas Raja Manarajanana lindung di Nanjing, Maharaja China telah mengarahkan tiga keluarga Muslim untuk menjaga makam Manarajanana dan orang tempatan Nanjing memanggil makam raja Brunei itu sebagai makam Hui Hui (bangsa Cina yang beragama Islam).

Tentang bangsa (ethnic group) mula-mula di Pulau Borneo terdapat bangsa asli. Sumber ini tercatat dalam buku Syin Tang Syu sebagai berikut: "Orang tempatan kulitnya hitam, rambutnya keriting dan warnanya merah, jari tangan seperti kuku helang dan giginya tajam, memakai antik dan melilitkan kain Kupe pada pinggang."

Kemudian bangsa Melayu sudah masuk dan telah menjadi bangsa utama di sana, "Orang asli adalah bangsa Melayu, mereka suka memakai pakaian Cina dan hasil tempatannya sarang layang-layang, kapur barus, rotan dan lada."

Ada satu kenyataan menarik saya, iaitu bangsa Melayu di Brunei mukanya agak lain kalau dibandingkan dengan bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, bangsa Melayu di Brunei kulitnya agak putih seperti orang Cina.

Dalam sumber China terdapat catatan sebagai berikut: "Negeri Wan Lai adalah Negeri POLO pada Dinasti Tang.... Menurut cerita orang tempatan adalah keturunan orang Hokian, mereka datang mengikuti rombongan Chen He."

Satu lagi catatan sebagai berikut: "Pada masa pemerintahan Wan Li (tahun Masihi 1573-1620) raja POLO adalah orang Hokian, ada orang mengatakan bahawa

mereka adalah datang dengan mengikuti rombongan Chen He, selepas itu mereka bermastautin di sana dan ada orang menjadi raja untuk memerintah negara itu. Sampai sekarang di sebelah istana masih terdapat sebuah tugu China. Raja mempunyai sebuah cap emas yang bertulis Cina dan di atas cap itu ada petung bentuk binatang, khabarnya cap ini dikurniakan oleh Maharaja China Yong Lu."

Dari catatan-catatan tersebut di atas bolehlah kita mengambil satu kesimpulan, iaitu dalam sejarah hubungan bangsa Melayu dengan orang Cina memang rapat.

Dari sudut bahasa, masalah bahasa selalunya menjadi satu masalah yang menarik saya, iaitu zaman dahulu di

warnanyakehijauan panjangnya beberapa kaki, lebarnya lebih kurang satu inci, jikalau digulung boleh dipegang dalam gengaman. Akan tetapi tulisannya tidak boleh dikenali, maka Maharaja telah mengarahkan supaya orang Mongol menterjemahkannya

kertas surat diperbuat daripada perak. Tulisannya bahasa asing dan hurufnya seperti tulisan Huihu, iaitu semacam tulisan seperti bahasa Arab. Maka kemungkinan besar pada masa itu surat persembahan ditulis dalam bahasa Arab sebab masa itu Negara Brunei sudah

mempersiapkan ubi ke istana China, maka saya mempunyai satu pandangan bahawa ada kemungkinan surat persembahan negeri PONI itu ditulis dalam bahasa Melayu.

Dalam sumber China juga pernah tercatat satu kenyataan bahawa utusan negeri Brunei pernah membawa jurubahasa melawat ke China, misalnya pada 26 Februari tahun Masihi 1406 utusan Negeri PONI Syeh Ali Fozong dan jurubahasa Shah Beng mengawalkan selamat tinggal kepada Maharaja China.

Pada 3 Januari tahun Masihi 1407 raja PONI dan raja Timor, raja Barat dari negeri POLO masing-masing telah menghantar utusan datang ke China untuk mempersembahkan ufti. Maharaja China telah mengarahkan kepada pegawai protokol untuk mengurniakan kain Wan Yi dan kain Sa Lou kepada raja-raja dan juga mengurniakan kepada utusan benang kapas 100 tokol, kain Wen Yi 4 gulung dan kain Lou 4 gulung dan kepada juru bahasa dan pengikut-pengikut juga dikurniakan menurut pangkat masing-masing.

Jurubahasa itu menggunakan bahasa apa? Mungkin menggunakan bahasa Sanskrit, mungkin menggunakan bahasa Arab, mungkin juga menggunakan bahasa Melayu, tapi satu kenyataan yang tidak boleh disangkal bahawa mesti sudah dipakai bahasa Melayu sebelum 500 tahun dahulu.

Menurut sumber China hubungan orang Cina dengan orang Brunei amat rapat. Rakyat Brunei terutamanya hormat dan suka akan orang China, bila berjumpa dengan orang China yang mabuk mesti memapah mereka pulang ke rumah.

Dan orang Cina juga menghormati kepercayaan orang Brunei, seperti dalam catatan sejarah 'pada abad ke 15 pernah ada 21 utusan datang dari Brunei, setiap 3 hari pihak yang berkuasa bagi China telah membekalkan

sekali makanan, di antaranya dua ekor kambing, empat ekor ayam, lapan ekor ayam, dua puluh botol awak, 10 kilo beras, 15 kilo tepung gandum, buah-buahan, sayur-sayur dan rimpang-rimpang.

Sudah nyata dalam sejarah makanan itu tidak diutamakan lagi. Menurut sumber China hubungan kerajaan antara China dengan Brunei pun amat rapat. Dari tahun Masihi 1424 raja Brunei telah 8 kali mengantar utusan ke Negeri China.

Pada tahun Masihi 1408 raja Brunei Manarajanana telah lindung di Nanjing China. Maharaja China amat sedih mendengar berita itu. Baginda tiga hari tidak bersemayam dan telah memberi penghormatan tinggi kepada Al-Marhum Raja Brunei, dan telah membina makam yang megah di mana satu tugu nisan telah ditegakkan.

Menurut arahan baginda, sastrawan China yang terkenal Hu Guang telah menulis isi surat nisan dalam mana banyak memuji jaya baik Al-Marhum Raja Brunei.

Di atas bukit Kota Batu, Bandar Seri Begawan pernah ditegakkan sebuah tugu yang bernama 'Tugu Gunung Negara Tenteram Sepanjang Masa', isi surat tugu itu ditulis sendiri oleh Maharaja China dalam mana baginda telah memberi penilaian tinggi ke atas hubungan China dengan Brunei.

Sumber China adalah khazanah kebudayaan dunia bagi kita semua. Maka mencari, menterjemahkan sumber-sumber itu telah menjadi satu tugas yang berat kepada kami, akan tetapi pekerjaan itu amat bererti.

Sedikit demi sedikit lama lama menjadi bukit. Dengan tulus ikhlas diharapkan sumber-sumber China itu akan dapat membangkitkan kesedaran kita orang Asia.

Dalam sejarah kita pernah mundur, kita pernah ditindas oleh penjajah, tapi kita mempunyai tradisi lama, kita mempunyai tamadun lama, bila kita sedar, bila kita bangkit, suatu hari nanti wajah dunia akan berubah.

SATU lagi catatan sebagai berikut: "Pada masa pemerintahan Wan Li (tahun Masihi 1573 - 1620) raja POLO adalah orang Hokian, ada orang mengatakan bahawa mereka adalah datang dengan mengikuti rombongan Chen He, selepas itu mereka bermastautin di sana dan ada orang menjadi raja untuk memerintah negara itu. Sampai sekarang di sebelah istana masih terdapat sebuah tugu China.

Brunei menggunakan bahasa apa?

Dalam buku Tai Ping Huang Yu Chi ada catatannya sebagai berikut: "Dalam buku lama belum didapati catatan mengenai PONI, ini disebabkan oleh kerananama-nama negara asing selalu diubah. Pada September tahun Masihi 977 raja yang menghantar utusan yang bernama Syehik Noh, Abu Ali dan Kadi Kasim ke China untuk mempersembahkan ufti. Surat persembahan itu bukan daripada kertas tetapi daripada semacam kulit pokok yang nipis lagi licin.

Di sini Maharaja China mengarahkan orang Mongol menterjemahkan surat persembahan raja PONI. Masalahnya surat itu menggunakan bahasa apa?

Ada kemungkinan menggunakan bahasa Hindu sebab pada masa itu Negeri PONI beragama Buddha.

Sampai tahun Masihi 1371 raja PONI yang bernama Mahmud Shah telah menghantar utusan yang bernama Ismail datang ke China untuk mengirimi surat persembahan dan menyembahkan ufti.

Surat persembahan itu diperbuat daripada emas dan

mulai beragama Islam.

Akan tetapi ada kemungkinan juga bahasa itu adalah bahasa Melayu dalam tulisan Jawi. Baru-baru ini saya telah mengkaji satu buku yang berjudul 'Man La Jia Guo Yi Yu' (Kumpulan Istilah Negeri Melaka), boleh dikatakan bahawa buku ini adalah salah satu kumpulan istilah Melayu yang terawal di dunia. Saya mendapati satu kenyataan bahawa sebenarnya buku itu tidak patut disebut sebagai Kumpulan Istilah Melaka tetapi patut disebut sebagai Kumpulan Istilah Melayu Nusantara sebab isi buku tersebut itu bukan sahaja mengandungi istilah Melaka tetapi juga mengandungi istilah Jawa, istilah Minangkabau, istilah Brunei dan lain-lainnya, seperti istilah, 'kemukus' (Jawa), 'kerai' (Jawa), 'mandeh' (Minangkabau), 'babu' (Brunei), 'nini' 'laki-laki' (Brunei), 'nini perempuan' (Brunei), 'sua' (Brunei).

Tujuan menyusun buku itu adalah untuk memudahkan utusan negeri-negeri Melayu

PADA tahun Masihi 1408 raja Brunei Manarajanana telah lindung di Nanjing China, Maharaja China amat sedih mendengar berita itu. Baginda tiga hari tidak bersemayam dan telah memberi penghormatan tinggi kepada Al-Marhum Raja Brunei, dan telah membina makam yang megah di mana satu tugu nisan telah ditegakkan.

DI ATAS bukit Kota Batu, Bandar Seri Begawan pernah ditegakkan sebuah tugu yang bernama 'Tugu Gunung Negara Tenteram Sepanjang Masa', isi surat tugu itu ditulis sendiri oleh Maharaja China dalam mana baginda telah memberi penilaian tinggi ke atas hubungan China dengan Brunei.

BIRAI KABUS BERARAK DAMAI

CUACA pagi itu cukup baik dan damai, cuma sedikit bergeribis membiari laju. Matahari pagi bagai bersinar utrah, memancarkan cahaya yang selerbana dan membahang. Alam sekeliling tidak terik, tidak mendung. Di langit awan kepulauan berjajar kebiruan dan kelabu berarak perlahan menuju destinasi ke utara. Paputan bayu dari barat laju berembus lembut, sepoi-sepoi bahasa, hembusan yang amat menyenangkan perasaan seluruh nadi. Di tengah-tengah cuaca yang begitu indah jernih.

Sebuah kereta mewah BMW warna pucuk pisang muda sedang bergerak perlahan meniti sebatang jalan, berliku dan sempit apakala berimbung dengan kenderaan yang berat dan besar. Kenderaan perisai kebal tentera yang kadangkala mengasim ganas, dengan roda rantai besi berkertakan bising.

Mail memandu kereta kenayangannya dengan cermat dan hati-hati apabila terserempak di suatu keadaan yang kurang selesa. Terutama di musim langit seakan runtuh. Hujan lebat di sana sini. Tanah pun ikut runtuh, tanah dari bukit susur dibawa air menyeberang jalan, lalu meniti ke parit sempit. Selagi hujan belum reda, air masih bertakung di atas jalan. Kemudian timbulah sisa tanah berwarna kekuningan menampal permukaan jalan.

Dalam perjalanan bebola mata Mail sentiasa lingas, memerhatikan ke kiri kanan jalan. Semak dengan rumput rampai, lalang dan batang-batang yang subur menghijau dan tebal. Kesetampikan kiri kanan jalan juga terpacak dengan tiang-tiang elektrik dan telefon yang siurbir seperti ular dipalu. Mail merasa kagum dan megah melihat pemedulian perkembangan di kampungnya, sejak negara dan tanahairnya bebas daripada cengkaman kuasa Barat yang angkuh. Mail pun cuma setahun sekali pulang ke kampung tempat lahirnya, juga tempat lahir ibu bapanya, datuk nenek dan keturunan suku sakatnya.

Di sebalik itu terguris juga satu perasaan halus sekeping hati, apabila melihat tiang-tiang telefon didirikan lintang-pukang, di atas lokasi tanpa perancangan sistematis. Kadang-kadang di sebelah kanan, kadangkala sebelah kiri merentas jalan. Malahan kebanyakannya condung-mundung, setengahnya tersandar di pokok-pokok kayu jati, ada pula disulur galur, untuk mengelakkan tumbang mencium bumi. Yang paling teruk sebatang dua tiang itu, tumpang menyandar di tepi pagar sekolah rendah kampung itu. Seolah-olah tidak diawasi.

Bayangkanlah betapa sedih dan malunya masyarakat watan kampung. Sedangkan pelawat atau pelancong asing kelang-kelus berandang ke kampung ini. Mereka tahu negara ini terbilang kaya, hasil mahsul berbagai sumber bumi bertuah. Penduduk di sini cukup senang dan mewah. Mail adalah juga di antaranya tergolong dari hamba Allah yang memiliki kemewahan, yang lain entahlah. Tapi dalam pandangan kasar rata-rata hidup se-


dan sederhana. Syukur alhamdulillah.

Sepanjang perjalanan, persoalan itu mencuit hati kecilnya, merontameronta dalam tempurung otaknya. Mengapa saja dibiarkan. Mulut ini bagai tersumbat dan terkunci rapi. Lidah kelu tiada berkepit. Tidak ada aduan dari pihak anak-anak desa itu. Walhal di saat ini, semua pelusuk sudah menubuhkan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim. Untuk apa pula majlis itu? Seperti tidak berfungsi kerana tidak beroperasi. Mail bertambah gusar dan kesal dengan keadaan yang begitu terbiar.

Tahun lepas semasa Mail pulang ke kampung, tiang-tiang itu sudah pun condung-mundung, sama keadaannya seperti dilihatnya hari ini. Dalam bematnya mungkin sudah pun dirisik-risik, hanya menunggu tindakan. Mengapa begitu lama? Entahlah. Mail sedia maklum, tentunya masing-masing diulit kebukan sukar dielakkan. Keadaan ini berlaku juga pada diri Mail sendiri. Fail-fail bertimbun, berlonggokan di atas mejanya. Susah sangat menngemas dokumen-dokumen itu, walaupun sekadar menyemak dan menanganinya. Mail sedar bagaimana beratnya tanggungjawab sebagai pegawai, bagaimana bersikap jujur dan amanah, bagaimana mengatasi supaya kerja-kerjanya berjalan lancar, bagaimana meningkatkan prestasi yang disanjung tinggi untuk berbakti. Semua itu mestilah atas daya usaha yang kreatif, diungkuh dengan tekun dan gigih, sabar dan bertolak ambid di antara semua golongan dan peringkat. Insyallah semuanya akan berjaya.

Mail lalu sedar, semua kerja kerani kecil yang bereskan, kerani rendah yang bertungkus lumus. Silap sikit kena marah, kena amaran keras. Jangan mimpi nak panjat kemuncak bukit dan gunung, cumacuma jatuh ke gaung. Buat pahala senyap, buat dosa dikenang sampai tamat riwayat. Malah rekod peribadi diguris dengan tinta merah. Besar dosa besarlah ganjarannya. Silap haribulan akan menerima kad merah dan ditandang keluar gelanggang.

Sebelum sampai ke destinasi



yang dituju. Mail teringat lagi pesanan isterinya Rosiah, supaya membelikan buah tangan untuk emak dan adik-adiknya di kampung. Apabila sampai di selekoh selepas naik bukit, Mail pun memutar baluan keretanya ke sebelah kanan, menuju sebuah kedai runcit. Kedai syarikat milik penduduk kampung. Sepanjang ingatan Mail, dulunya kedai ini berjalan dengan lancar. Dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa persatuan. Tetapi dewasa ini sudah bertukar corak. Dasar dan prinsipnya juga



berubah sama. Tali candik yang dipegang oleh jawatankuasa kerja, terikat pada sebuah badan lembaga koperasi. Yang semestinya dipatuhi.

Pentadbirannya mestilah berlandaskan perlembagaan badan tersebut. Hak ahli sebagai pemodal semakin malap, perbahagian keuntungan semakin merosot. Ahli-ahli gelisah dan kusut. Andai kata syarikat ini lingkup tidak berfungsi, segala sisa-sisa harta benda akan diserahkan di bawah kawalan badan lembaga.

Mail masih terkenang kini, sewaktu ayahnya masih hidup. Di kampung ini juga pernah menubuhkan sebuah syarikat nelayan. Tidak hairanlah kalau permulaannya cukup maju dan berjalan dengan lancar. Tetapi setelah setahun lebih beroperasi dengan megah, tenggelamlah ia ke dasar laut. Anak-anak buahnya terkapai-kapai tidak bermaya. Harta benda di dalam syarikat itu punah. Matlamat

yang diidamkan gagal dicapai. Hancur lebur dan berkecahilah harapan anak-anak buah syarikat itu. Bak kata sekerat pantun Melayu; janggankan untung baru belur, modal pula habis terkaman. Lesaplah wang taruhan ayahnya sebanyak seratus ringgit.

Mail kira saki-baki wang modal ayahnya dan ahli-ahli yang lain, masih dipegang oleh badan lembaga koperasi, yang tidak boleh dikeluarkan tanpa mesyuarat agung syarikat atas sebab peraturan dan undang-undang badan lembaga. Dan akan menjadi hak badan lembaga, tidak boleh diagih-agihkan kepada ahli. Menyebabkan lesap modal. Setengah ahli tidak faham tanpa penjelasan. Mengapa dan apa pula yang menyebabkan semua ahli geleng kepala, langsung tidak mengerti. Walhal ikan-ikan yang dipasarkan sangat laris. Semua nelayan yang menjadi ahli mesti menjual tangkapan mereka kepada syarikat untuk dipasarkan.

Sejak beroperasi, haram satu sen pun ahli menjawab pulangan pembahagian keuntungan. Sejak itu mereka menuduh penyimpangan amanan dan pengurus yang melesap, membingkas dan membedal wang itu. Kapal pecah iyu kenyang, kata mereka rata-rata.

